

# Melayu perlu rajin jika ingin maju seperti kaum lain

TAIPING 13 Mei - Orang Melayu perlu berpegang teguh kepada nilai hidup rajin bekerja jika ingin terus maju seperti kaum lain terutama kaum Cina yang jauh lebih maju di negara ini.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, sekalipun tidak maju sepenuhnya, nilai kerajinan yang dijadikan asas hidup itu pasti akan menjadikan Melayu lebih maju berbanding seka-

Menurut beliau, sifat orang Melayu yang kadang-kadang 'sedikit malas' dapat dilihat apabila sering menjual lesen yang diberikan oleh kerajaan kepada pihak lain.

"Mereka hanya hendak dapat untung... tindakan itu pula tidak boleh menjadikan seseorang itu kaya, jika pemberian lesen itu diberhentikan oleh kerajaan maka habislah.

"Bagi mereka yang beli dan guna lesen itu pula sudah pasti akan lebih maju dan kekal

dalam perniagaannya, jadi sekarang faktor rajin dan tidak rajin adalah faktor penting sama ada Melayu hendak maju atau tidak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah bertajuk *Membina Kekuatan Bangsa* pada Kolokium Mengantabangsakan Melayu di sini hari ini.

Program berkenaan yang berlangsung selama dua hari bermula semalam dianjurkan oleh Biro Hubungan Antarabangsa dan Per-

tubuhan Bukan Kerajaan Pemuda UMNO.

Menurut Mahathir, masyarakat Melayu juga perlu menolak amalan rasuah kerana ia boleh menghancurkan bangsa dan negara.

Katanya, amalan rasuah perlu diperangi sebagaimana kerajaan memerangi ancaman dadah hingga menjadikan masyarakat umum di negara ini begitu membenci najis tersebut.

Amalan rasuah jelasnya, boleh menjadikan sesebuah kaum itu hilang maruah kerana

tidak malu lagi untuk melakukannya bagi mendapatkan sedikit upah.

"Banyak bangsa di dunia tidak dapat maju hanya disebabkan amalan rasuah, jadi jika orang Melayu masih mengamalkan rasuah, maka tidak mungkin kita akan maju.

"Bila rasuah menjadi-jadi sampai ke peringkat tertinggi maka ia sudah jadi budaya dalam masyarakat, lama-kelamaan kita sudah tidak ada kebolehan kerana semuanya berlaku akibat rasuah," ujarnya.

um - 14/5/2007

UMEX